

قَتِيقَن تِيتَه

PETIKAN TITAH

"KITA mahu, jawatan-jawatan dalam industri atau sektor swasta dapat diisi, tanpa terlalu memilih atau cerewet, dan kalau berusaha, janganlah hanya pandai membuka syarikat, sedang syarikat dijalankan oleh orang asing".
- Titah Sempena Menyambut Tahun Baharu Masihi 2020.



Pelita BRUNEI

Membudayakan Masyarakat Bermaklumat

مانيسن ايمان

MANISNYA IMAN

"DARI Abdullah bin Amru Radiallahuanha berkata, dari Nabi Sallallahu Alaihi Wasallam, Baginda bersabda, orang yang berhijrah itu ialah orang yang meninggalkan perkara-perkara yang dilarang oleh Allah".
(Riwayat Al-Imam Al-Bukhari).

WAKTU SEMBAHYANG

IMSAK
4.46

SUBUH
4.56

SYURUK
6.17

DUHA
6.40

ZUHUR
12.27

ASAR
3.45

MAGHRIB
6.35

ISYAK
7.47

Daerah Belait ditambah 3 Minit
dan Daerah Tutong ditambah 1 minit

TAHUN 66 / BILANGAN 95

9 OGOS 2021 / 1442 ذوالحجه 29

JABATAN PENERANGAN

EDISI ISNIN / PERCUMA

KEDAYATAHANAN KUNCI KEJAYAAN BELIA



KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam berkenan mengurniakan titah pada Majlis Sambutan Hari Belia Kebangsaan Ke-16, bagi Tahun 2021.
- Foto : Mohd. Sahrizal Haji Said.

■ Oleh : Wan Mohamad Sahran Wan Ahmadi

BERAKAS, Sabtu, 7 Ogos. - Program i-Usahawan elok juga dilaratkan ke dalam sektor bukan tenaga, terutama dalam sektor awam dan keseluruhan yang dihasratkan.

Di sini, kita dapat memahami bahawa kedayatahanan adalah kunci kejayaan belia, di samping kualiti keperibadian dan sikap tidak mahu mengalah dalam bersaing. Persaingan yang dimaksudkan di sini, ialah bersaing bagi mencapai kecemerlangan duniawi dan ukhrawi.

Demikian antara petikan titah Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam pada Majlis Sambutan Hari Belia Kebangsaan Ke-16, bagi Tahun 2021 yang berlangsung di Pusat Persidangan Antarabangsa, hari ini, di sini.

>> Muka 3

Kedayatahanan kunci kejayaan belia



KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam berkenan mengurniakan titah pada Majlis Sambutan Hari Belia Kebangsaan Ke-16, bagi Tahun 2021.

Oleh : Wan Mohamad Sahran Wan Ahmadi
Foto : Haji Ariffin Mohd. Noor / Morshidi, Mohammad Hatral
Hazmi Awang Abdul Hamid, Mohd. Sahrizal Haji Said

>> Muka 1

Terdahulu dalam titah, Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam menyatakan bahawa masyarakat cukup sensitif dengan belia. Jika baik belia, maka masyarakat pun sangat teruja dan menyanjung mereka. Tetapi jika sebaliknya, masyarakat akan lari, menjauhi diri daripada mereka.

Contohnya, apabila belia misalnya, terjebak menagih dadah, maka masyarakat dengan sendirinya akan berundur, untuk melindungi diri daripada angkara dadah.

"Maka di sinilah, para belia itu perlu insaf, bahawa mereka adalah ibarat 'cermin' masyarakat, di mana baik atau buruknya keadaan, dapat dilihat menerusi cermin ini.

"Beta telah melihat dari cermin ini satu perkara yang menggembirakan, iaitu mengenai Ekosistem Keusahawanan belia dan Program i-Usahawan, yang sedang berkembang dengan baiknya semenjak ia dilancarkan pada Sambutan Hari Belia Kebangsaan Ke-13, tahun 2018," titah Kebawah Duli Yang Maha Mulia.

Bukti awal kejayaan Ekosistem dan Program i-Usahawan ini, tambah baginda, berhasil mengkhususkan sebanyak 35 kontrak di dalam Sektor Tenaga, dalam mana, 19 daripadanya telah pun dianugerahkan kepada 24 pengusaha-pengusaha belia dengan anggaran nilai kontrak berjumlah 29 juta ringgit.

Dalam kalangan pengusaha belia, titah Kebawah DYMM lagi bahawa mereka juga telah berjaya untuk memberikan peluang pekerjaan kepada lebih kurang 300 orang anak tempatan.

"Semua ini menjadi petunjuk jelas, bahawa para belia Brunei sudah mampu untuk mencapai dan mencatatkan kejayaan di peringkat yang tinggi," titah baginda lagi.

Sebelum mengakhiri titah, bersempena dengan Hari Belia Kebangsaan ini, Kebawah DYMM tidak lupa mengucapkan syabas kepada semua golongan belia di negara ini atas komitmen mereka sama-sama membangun dan memajukan negara.



ANTARA yang hadir pada majlis berkenaan.

■ **KEDAYATAHANAN** adalah kunci kejayaan belia, di samping kualiti keperibadian dan sikap tidak mahu mengalah dalam bersaing. Persaingan yang di maksudkan di sini, ialah bersaing bagi mencapai kecemerlangan duniawi dan ukhrawi.

■ **MASYARAKAT** cukup sensitif dengan belia. Jika baik belia, maka masyarakat pun sangat teruja dan menyanjung mereka. Tetapi jika sebaliknya, masyarakat akan lari, menjauhi diri daripada mereka.

■ **PARA** belia itu perlu insaf, bahawa mereka adalah ibarat 'cermin' masyarakat, di mana baik atau buruknya keadaan, dapat dilihat menerusi cermin ini.

KEKALKAN IDENTITI BAIK, YAKINKAN MASYARAKAT

BERAKAS, Sabtu, 7 Ogos. - Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam menegaskan bahawa jangan runtuhkan identiti belia yang baik. Kekalkan identiti ini untuk mendapatkan keyakinan masyarakat terhadap mereka.

"Ingatlah, keyakinan boleh luntur apabila identiti tidak dipelihara," tekan baginda ketika berkenan mengurniakan titah pada Majlis Sambutan Hari Belia Kebangsaan Ke-16 bagi Tahun 2021, hari ini, di sini.

Bertitah pada majlis yang berlangsung di Pusat Persidangan Antarabangsa, Berakas, baginda juga bersyukur kerana dapat sama-sama berkumpul untuk menghadiri Perhimpunan Hari Belia Kebangsaan Kali Ke-16 tersebut.

Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam seterusnya bertitah menyatakan bahawa cabaran bersabit wabak pandemik menampilkan golongan belia sebagai sumber tenaga masyarakat dan negara.

■ **JANGAN** runtuhkan identiti belia yang baik. Kekalkan identiti ini untuk mendapatkan keyakinan masyarakat terhadap mereka. Ingatlah, keyakinan boleh luntur apabila identiti tidak dipelihara.

■ **BELIA**, tanpa mengenal letih, mampu untuk menjadi Sukarelawan yang berjasa, inilah belia layak untuk dicontohi dalam perkara menyumbangkan bakti kepada negara. Apabila diperlukan, biasanya mereka cepat-cepat tampil menyahut panggilan.

"Belia, tanpa mengenal letih, mampu untuk menjadi sukarelawan yang berjasa, inilah belia," titah baginda. Dalam titah, baginda juga menjelaskan bahawa mereka layak untuk dicontohi dalam perkara menyumbangkan bakti kepada negara. Apabila diperlukan, biasanya mereka cepat-cepat tampil menyahut panggilan. Inilah

sifat belia.

Dalam titah, Kebawah Duli Yang Maha Mulia juga menerangkan bahawa belia-belia akan tampil dengan semangat juang yang tinggi serta tenaga yang kental dan segar, berbanding golongan-golongan lain.

"Ini tidak syak lagi, adalah ciri istimewa belia itu," tambah baginda.

Justeru, baginda menaruh harapan, ciri tersebut biarlah kekal untuk mewarnai kehidupan belia, supaya mereka terus unggul, dihargai oleh semua peringkat.

SEBAHAGIAN yang hadir pada Majlis Sambutan Hari Belia Kebangsaan Ke-16, bagi Tahun 2021 di Pusat Persidangan Antarabangsa, Berakas.



ASPIRASI BELIA TONGGAK KEMAJUAN NEGARA



Oleh : Marlinawaty Hussin

Foto : Haji Ariffin Mohd. Noor / Morshidi, Mohammad Hatral
Hazmi Awang Abdul Hamid, Mohd. Sahrizal Haji Said, Azmah
Haji Ahad

BERAKAS, Sabtu, 7 Ogos. - dalam memacu kemajuan Golongan belia memainkan pembangunan negara ke arah peranan yang amat penting kejayaan Wawasan Brunei 2035.



BERANGKAT sama, paduka-paduka anakanda Kebawah Duli Yang Maha Mulia, Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah, Menteri Kanan di Jabatan Perdana Menteri dan Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda 'Abdul Malik (atas), manakala gambar kanan, bacaan Surah Al-Fatihah dan Doa Selamat dipimpin oleh Yang Berhormat Mufti Kerajaan.

Belia masa depan itu ialah belia yang holistik, bukan sahaja cemerlang dalam pendidikan, sahsiah dan kerohanian; tetapi juga belia yang berkemahiran, inovatif dan kreatif sejajar dengan kepesatan kemajuan pelbagai bidang.

Sehubungan itu, Majlis Sambutan Hari Belia Kebangsaan (HBK) Ke-16, Tahun 2021 diadakan bagi mengiktiraf kepentingan para belia dalam memperkasakan kemajuan negara pada masa hadapan.

Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam berkenan berangkat ke Majlis Sambutan HBK Ke-16, yang berlangsung di Dewan Plenary, Pusat Persidangan Antarabangsa (ICC), di sini.

Berangkat sama, paduka-paduka anakanda Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam, Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah, Menteri



KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam menadah tangan ketika doa dibacakan (atas kiri). Sementara gambar atas, Kebawah Duli Yang Maha Mulia dan paduka-paduka anakanda baginda berkenan berangkat ke Majlis Sambutan Hari Belia Kebangsaan Ke-16, yang berlangsung di Dewan Plenary, Pusat Persidangan Antarabangsa, Berakas.

Kanan di Jabatan Perdana Menteri; Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda 'Abdul Malik serta kerabat diraja yang lain.

>> Muka 5



SUASANA semasa Ikrar Belia yang dibacakan oleh barisan kumpulan-kumpulan belia terdiri daripada 50 belia yang terlibat dalam kesukarelawanan dan mempunyai pencapaian dalam pelbagai bidang (kiri dan kanan).





KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dan paduka-paduka anakanda dan adinda baginda ketika dijunjung bagi sesi bergambar ramai.

>> Muka 4

Keberangkatan Kebawah Duli Yang Maha Mulia dan kerabat diraja yang lain dijunjung oleh Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan, Yang Berhormat Mejar Jeneral (B) Dato Paduka Seri Haji Aminuddin Ihsan bin Pehin Orang Kaya Saiful Mulok Dato Seri Paduka Haji Abidin selaku Pengerusi Jawatankuasa Tertinggi Sambutan HBK

Ke-16, Tahun 2021 dan Timbalan Menteri Tenaga, Yang Mulia Dato Seri Paduka Awang Haji Matsatejo bin Sokiaw selaku Timbalan Pengerusi Jawatankuasa Tertinggi Sambutan HBK Ke-16, Tahun 2021.

Atur cara majlis dimulakan dengan bacaan Surah Al-Fatihah dan Doa Selamat yang dipimpin oleh Mufti Kerajaan, Yang Berhormat Pehin Datu Seri Maharaja Dato

Paduka Seri Setia (Dr.) Ustaz Haji Awang Abdul Aziz bin Juned.

Majlis diikuti dengan sembah alu-aluan oleh Yang Berhormat Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan.

Sejurus selepas itu, Kebawah DYMM berkenan mengurniakan titah.

Pada majlis tersebut, Ikrar Belia dibacakan oleh barisan kumpulan-kumpulan belia, terdiri daripada 50 orang

belia yang terlibat dalam kesukarelawanan dan mempunyai pencapaian dalam pelbagai bidang.

Ikrar Belia tersebut diketuai oleh Pegawai Tugas-Tugas Khas Tingkat II, Kementerian Hal Ehwal Ugama, Awang Muhammad Yusof bin Haji Abdul Majid, diiringi oleh Awang Haji Abdul Mateen Bolkini bin Haji Ahmad dan Dayang Nurhani Basirah binti Haji Chipli.

>> Muka 6



KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia berkenan menyempurnakan Anugerah Belia Cemerlang bagi Tahun 2020 kepada Awang Haji Abdul Mateen Bolkini bin Haji Ahmad (kanan). Sementara gambar bawah kiri dan bawah kanan, baginda berkenan menyempurnakan Anugerah Pemimpin Muda Belia bagi Tahun 2020 kepada Awang Haji Mohammad Loqman Al Hakim bin Haji Hamdan dan Anugerah Projek Cemerlang Untuk Belia bagi Tahun 2020 kepada Dayang Noorhafizah binti Haji Rashid dari Big BWN Project.





KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dan paduka-paduka anakanda baginda, Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah, Menteri Kanan di Jabatan Perdana Menteri dan Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda 'Abdul Malik ketika berkenan berbual mesra pada majlis berkenaan (atas). Manakala gambar atas kanan, baginda bersama paduka anakanda baginda berkenan berangkat meninggalkan Dewan Plenari.

>> Muka 5

Atur cara diteruskan dengan tayangan video yang mempamerkan kecemerlangan belia dalam berkhidmat, di

samping menyaksikan kejayaan besar golongan berkenaan kepada usaha gigih dan sepadu dalam pembangunan negara menerusi pelbagai bidang serta mampu mengadaptasi cabaran teknologi digital di era ledakan

maklumat seperti perekonomian digital dalam suasana norma baharu pandemik COVID-19 berlandaskan Dasar Belia Negara dan Strategi ke Wawasan Brunei 2035.

Majlis turut diserikan dengan

persembahan khas belia oleh kumpulan koir B'Sharp yang ditubuhkan oleh seramai 16 mahasiswa/i Universiti Brunei Darussalam (UBD).

Acara kemuncak sambutan ialah penyampaian Anugerah HKB Tahun 2020 dan Tahun 2021 dalam empat kategori, iaitu Anugerah Belia Cemerlang; Anugerah Belia Berkhidmat; Anugerah Pemimpin Muda Belia; dan Anugerah Projek Cemerlang Untuk Belia yang disempurnakan oleh Kebawah DYMM.

Anugerah Belia Cemerlang

diberikan kepada belia yang berjaya dalam bidang masing-masing yang pada utamanya mengharumkan nama negara, iaitu kepada Awang Mohd. Adi Salihin bin Roslan dari Persatuan Wushu Negara Brunei Darussalam menerima Anugerah Belia Cemerlang bagi Tahun 2020, manakala Dayang Chong Chin Yee dari Memori BN Ent/Startup Brunei menerima Anugerah Belia Cemerlang bagi Tahun 2021.

>> Muka 7



KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia berkenan menyempurnakan Anugerah Belia Cemerlang bagi Tahun 2021, Dayang Chong Chin Yee (kiri) dan Anugerah Belia Berkhidmat bagi Tahun 2021 kepada Awang Muhd. Syahmi bin Halimshah (kanan). Sementara gambar bawah kiri dan bawah kanan, baginda berkenan menyempurnakan Anugerah Pemimpin Muda Belia bagi Tahun 2021 kepada Dayang Kwan Pei Yun (Joanna) dan Anugerah Projek Cemerlang Untuk Belia bagi Tahun 2021 kepada Dayang Siti Kailene binti Mohd. Jazlan Kashfi dari HIV Awareness Programme for Peers and Youth (H.A.P.P.Y).





KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia bersama paduka-paduka anakanda baginda berkenan bergambar ramai bersama para peserta pameran (atas dan kanan). Manakala gambar bawah, Kebawah DYMM berkenan dijunjung untuk menandatangani buku.

>> Muka 6

Sementara itu, Anugerah Belia Berkhidmat diberikan kepada belia yang banyak menyumbang kepada khidmat sukarela kepada negara atau orang lain, iaitu kepada Awang Haji Abdul Mateen Bolkini bin Haji Ahmad dari Tambang.BN / Belia Masjid Hassanah Bolkiah / Leadership and Strategic Planning, Guild of Graduate UBD / Kumpulan

Strategik Belia (DBNS) / Young Professionals Network; dan Awang Muhd. Syahmi bin Halimshah dari Persekutuan Pengakap Negara Brunei Darussalam masing-masing menerima Anugerah Belia Berkhidmat bagi Tahun 2020 dan Tahun 2021.

Anugerah Pemimpin Muda Belia pula diberikan kepada pemimpin muda belia yang cemerlang menggembelng

orang-orang bawahan kepada kebaikan. Pemenang bagi anugerah tersebut, iaitu Awang Haji Mohammad Loqman Al Hakim bin Haji Hamdan dari Al-Huffaz Management bagi Tahun 2020 dan Dayang Kwan Pei Yun (Joanna) dari Sekolah Tinggi Perempuan Raja Isteri bagi Tahun 2021.

Anugerah Projek Cemerlang Untuk Belia adalah khusus bagi projek yang banyak memanfaatkan belia yang diberikan kepada Dayang Noorhafizah binti Haji Rashid dari Big BWN Project dan Dayang Siti Kailene binti Mohd. Jazlan Kashfi dari HIV Awareness Programme for Peers and Youth (H.A.P.P.Y) yang masing-masing menerima anugerah tersebut bagi Tahun 2020 dan Tahun 2021.

Para penerima Anugerah Belia Cemerlang, Anugerah Belia Berkhidmat dan Anugerah Pemimpin Muda Belia menerima sebuah trofi, kain tenunan, sijil penghargaan dan wang tunai berjumlah BND3,000 bagi perkembangan dan pembangunan projek.

Manakala Anugerah Projek Cemerlang Untuk Belia menerima sebuah trofi, sijil penghargaan dan grant galakan (C-Grant) bagi perkembangan dan pembangunan projek sebanyak BND3,500.

Kebawah DYMM berserta kerabat diraja kemudian berkenan dijunjung berangkat ke Pameran Hari Belia di kawasan Concourse, ICC.

Semasa pameran tersebut, Kebawah DYMM berkenan melancarkan Aplikasi Sukarelawan yang dinamakan 'Mengalinga'.

Kebawah DYMM seterusnya berkenan dijunjung bagi menandatangani Lembaran Kenangan dan berkenan menerima pesambah daripada Jawatankuasa Tertinggi Sambutan HBK Ke-16, Tahun 2021.

Sejurus selesai Majlis Santap dan sebelum berangkat meninggalkan majlis, Kebawah DYMM berkenan dijunjung bagi sesi bergambar ramai bersama Jawatankuasa Tertinggi Sambutan HBK Ke-16, Tahun 2021.

Sambutan HBK Ke-16 masih mengekalkan tema 'Belia Siaga

Masa Depan' selama tiga tahun berturut-turut, iaitu dari tahun 2019.

Ini adalah selaras dengan hasrat murni Kebawah DYMM untuk melihat belia Brunei siap siaga untuk menghadapi cabaran masa hadapan, khususnya dalam konteks Revolusi Industri Keempat dan dalam keadaan norma baharu yang banyak menjanjikan perubahan dan

peluang.

Di samping itu, ia juga relevan dengan pembarigaan Dasar Belia Negara dan Strategi (DBNS) yang sedang giat dilaksanakan pada masa ini.

Konsep Sambutan HBK tahun ini memfokuskan kepada teknologi digital, kesukarelawanan, keusahawanan dan kepimpinan.



KEBAWAH DYMM berkenan menyaksikan antara pameran pada majlis tersebut (atas). Sementara gambar bawah kiri, baginda berkenan berswafoto bersama yang hadir. Manakala gambar bawah, baginda berkenan berbual mesra pada majlis berkenaan.



PAMER KEJAYAAN, USAHA DIKENDALIKAN BELIA



Oleh : Rohani Haji Abdul Hamid

Foto : Haji Ariffin Mohd. Noor / Morshidi, Mohammad Hatral
Hazmi Awang Abdul Hamid, Mohd. Sahrizal Haji Said, Azmah
Haji Ahad

BANDAR SERI BEGAWAN, Sabtu, 7 Ogos. - Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam bersama paduka-paduka anakanda baginda, Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah, Menteri Kanan di

Jabatan Perdana Menteri; Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda 'Abdul Malik serta adinda-adinda baginda berkenan berangkat menyaksikan pameran pada Majlis Sambutan Hari Belia Kebangsaan Ke-16, Tahun 2021, di Pusat Persidangan Antarabangsa, Berakas.

Pada tahun ini, format pameran adalah berskala kecil, akan tetapi konsisten dengan konsep terdahulu, iaitu Informative, Engaging, Interactive dan Tech

KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam bersama paduka-paduka anakanda baginda, Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah, Menteri Kanan di Jabatan Perdana Menteri dan Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda 'Abdul Malik berkenan berangkat menyaksikan pameran pada Majlis Sambutan Hari Belia Kebangsaan Ke-16, Tahun 2021 (atas kiri). Manakala gambar atas, baginda berkenan melancarkan Aplikasi Sukarelawan yang dinamakan 'Mengalinga'.

Savvy.

Antara kepentingan pameran ini ialah untuk mempamerkan kejayaan serta impak daripada usaha yang dikendalikan oleh belia-belia *kitani*.

Pameran ini juga dihasratkan untuk dijadikan platform bagi

para usahawan-usahawan muda bagi membukakan peluang kepada belia yang lain untuk mempelajari serta

menimba ilmu pengetahuan dan kemahiran.

>> Muka 9



KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam bersama paduka-paduka anakanda baginda menadah tangan ketika doa dibacakan (atas). Manakala gambar atas kanan dan kanan, baginda berkenan menyaksikan pameran.





KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam bersama paduka-paduka anakanda dan adinda baginda ketika dijunjung bagi sesi bergambar ramai.

>> Muka 7

Pameran Hari Belia
mengetengahkan empat kluster

utama, iaitu Ekonomi Digital,
Pertumbuhan Ekonomi,
Perusahaan Sosial / Pergerakan
Belia dan Industri Kreatif

dan Media.
Antara yang menyertai
Pameran Hari Belia ialah 1 Produk
1 Kampung yang

mengetengahkan usahawan
muda yang dicalonkan oleh
Kementerian Hal Ehwal
Dalam Negeri sebagai berjaya,
Pameran Lukisan Komuniti
OKU, projek daripada institusi
pengajian tinggi, Pameran
COVID-19, Kabunku dan
sebagainya.

Semasa pameran tersebut
juga, Kebawah Duli Yang
Maha Mulia berkenan
melancarkan Aplikasi
Sukarelawan yang dinamakan
'Mengalinga'.

Tema Sambutan Majlis
Sambutan Hari Belia Kebangsaan
Ke-16, Tahun 2021 'Belia Siaga

Masa Depan'. Pengekal tema
selama tiga tahun (2019, 2020
dan 2021) ini adalah selaras
dengan hasrat murni Kebawah
Duli Yang Maha Mulia untuk
melihat belia Brunei siap siaga
untuk menghadapi cabaran masa
depan khususnya dalam konteks
Revolusi Industri Keempat dan
dalam keadaan norma baharu
yang banyak menjanjikan
perubahan dan peluang, di
samping juga relevan dengan
pembangunan Dasar
Belia Negara dan Strategi (DBNS)
yang sedang giat dilaksanakan
pada masa ini.

Belia Siaga Masa Depan juga
ialah belia bertaraf dunia sebagai
ejen perubahan yang siap siaga
untuk masa depan bagi
pembangunan negara yang
berakarumbikan keinklusi. Dalam
mewujudkan ekosistem
pembangunan belia yang
dinamik, mapan dan inklusif
kepada individu adalah
dengan melibatkan diri
dalam pembentukan dasar
membuat keputusan, mencapai
kecemerlangan yang tinggi
dalam ilmu pengetahuan dan
kemahiran serta mengukuhkan
nilai-nilai teras kebruneian yang
positif.



KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia bersama paduka-paduka anakanda baginda ketika berkenan menerima sembah penerangan semasa menyaksikan beberapa pameran yang diketengahkan semasa Pameran Hari Belia tersebut (kiri, bawah kiri dan bawah).



Belia bersedia mendepani transformasi global

Oleh : Marlinawaty Hussin

Foto : Haji Ariffin Mohd. Noor / Morshidi

BERAKAS, Sabtu, 7 Ogos. - Majlis Sambutan Hari Belia Kebangsaan Kali (HBK) Ke-16, Tahun 2021 mengetengahkan 'Wajah-wajah Kejayaan' dalam kalangan belia yang telah maju setapak lagi serta mampu bersaing di peringkat antarabangsa.

Selain itu, Pameran Hari Belia ditumpukan kepada ekonomi digital, pertumbuhan ekonomi serta industri kreatif dan media.

Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan, Yang Berhormat Mejar Jeneral (B) Dato Paduka Seri Haji Aminuddin Ihsan bin Pehin Orang

Kaya Saiful Mulok Dato Seri Paduka Haji Abidin selaku Pengerusi Jawatankuasa Tertinggi Sambutan HBK Ke-16, Tahun 2021 menyatakan perkara tersebut dalam sembah alu-aluan pada Majlis Sambutan HBK Kali Ke-16, Tahun 2021 yang berlangsung di Dewan Plenary, Pusat Persidangan Antarabangsa.

Di samping golongan belia Orang Kelainan Upaya, ujar Yang Berhormat, para sukarelawan belia juga turut ditampilkan sebagai pengiktirafan kepada pengorbanan yang sangat bernilai dalam sama-sama membendung wabak COVID-19 di negara ini.

"Dalam masa yang sama, Sambutan HBK kali ini turut diberikan nilai tambah dengan pengendalian Konvensyen Belia Brunei dengan jangkaan penyertaan lebih 1,000 orang belia," jelas Yang Berhormat.

Yang Berhormat menambah, di sinilah wadah bagi para belia untuk menimba ilmu bermanfaat, malah juga bagi mendapatkan inspirasi untuk menyumbang kepada pembangunan belia dan negara.

Dalam pada itu, Yang Berhormat dalam sembah alu-aluan menyatakan bahawa tema Sambutan HBK pada tahun ini dikekalkan kepada

'Belia Siaga Masa Depan'.

Pengekalan tema ini, kata Yang Berhormat, adalah selaras dengan hasrat murni Kebawah Duli Yang Maha Mulia untuk melihat belia Brunei sebagai golongan yang cekal serta bersedia untuk mendepani transformasi global yang amat pesat dan pada masa yang sama, menekankan pentingnya keseimbangan sebagai pewaris yang menjamin kedaulatan negara bangsa pada masa yang akan datang.

"Alhamdulillah, pada bulan Disember 2020, *abis* hamba Kebawah Duli Tuan Patik amat bersyukur dan berbangga bahawa atas komitmen tinggi rakan-rakan strategik, para belia bersama Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan, Dasar Belia Negara dan Strategi 2020 - 2035 telah dilancarkan dengan Pelan Tindakan yang menyeluruh untuk mencapai matlamat dasar," kata Yang Berhormat.

Dasar ini, jelas Yang Berhormat, mengetengahkan betapa mustahaknya agenda pembangunan belia untuk dilaksanakan secara Whole of Nation demi merealisasikan belia Brunei yang benar-benar 'Siaga Masa Depan'.



YANG Berhormat Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan selaku Pengerusi Jawatankuasa Tertinggi Sambutan Hari Belia Kebangsaan Ke-16, Tahun 2021 dalam sembah alu-aluan.

"Dengan kerjasama padu yang kukuh, *abis* hamba Kebawah Duli Tuan Patik amat yakin, di sinilah landasan untuk memastikan belia Brunei akan terus melakar kejayaan di peringkat negara mahupun global, selaras dengan hasrat Kebawah Duli Tuan Patik.

"Insyaa Allah, suara belia akan terus didengari, pandangan mereka difahami dan sumbangan mereka dihargai. Merekalah tonggak harapan masa hadapan negara," ujar Yang Berhormat lagi.



Oleh : Ak. Jefferi Pg. Durahman
Foto : Jabatan Penerangan

SEBAHAGIAN rakyat di Negara Brunei Darussalam (NBD) giat melakukan aktiviti kebajikan kerana semangat kesukarelawanan dan jati diri yang tinggi. Hal ini dapat dilihat melalui penyertaan masyarakat pelbagai kaum melalui agensi dan juga pertubuhan bukan kerajaan (NGO) yang ditubuhkan demi membantu golongan memerlukan.

Namun, tahap kesedaran masyarakat kita terhadap program sukarelawan perlu diberi perhatian sewajarnya kerana aktiviti sukarelawan yang dilaksanakan tanpa pengetahuan, pendedahan dan sokongan masyarakat setempat pastinya tidak memenuhi matlamat serta objektif utama, iaitu melahirkan masyarakat yang berempati.

Sehubungan itu, bersempena dengan Sambutan Hari Belia Kebangsaan Ke-16 Negara Brunei Darussalam yang telah berlangsung pada Sabtu, 7 Ogos 2021, satu aplikasi telah dilancarkan iaitu aplikasi 'Mengalinga' yang mana Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddin Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam berkenan melancarkan aplikasi tersebut.

Aplikasi ini adalah bagi memudahkan orang ramai untuk terlibat aktif dalam aktiviti kesukarelawanan. Ini merupakan satu inisiatif aplikasi kerjasama di antara pihak Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan (KKBS) dan juga pihak Baiduri Bank yang merupakan titik permulaan bagi kita pada era baharu dalam digitalisasi kesukarelawanan bagi memudahcarakan lagi masyarakat kita menjadi sukarelawan.

Dalam temu bual Pelita Brunei bersama Penolong Ketua Pegawai Belia, selaku Penyelaras Pameran Hari Belia, Dr. Nuriskandar bin Hasnan menjelaskan tujuan utama aplikasi sukarelawanan dilancarkan adalah untuk memberikan kemudahan kepada pihak masyarakat mahupun belia *kitani* dan juga orang ramai untuk terlibat aktif di dalam aktiviti-aktiviti kesukarelawanan. Jika *kitani* lihat ketika ini kita berada pada era baharu yang mana kesemuanya digital dan dengan adanya aplikasi ini ia memudahkan masyarakat untuk mengikuti perkembangan aktiviti-aktiviti serta projek-projek kesukarelawanan ini secara mudah.

Aplikasi Kesukarelawanan 'Mengalinga'

Dr. Nuriskandar berkata, aplikasi kesukarelawanan yang diberi nama 'Mengalinga' adalah sebuah aplikasi yang difikirkan penting untuk membantu pihak masyarakat mahupun pihak swasta dan juga

pihak kerajaan untuk melihat perkembangan aktiviti-aktiviti kesukarelawanan di negara kita. Dengan hanya menggunakan telefon bimbit, *just one click away* masyarakat akan mudah mendapatkan informasi secara cepat dan tepat.

Bagaimana aplikasi ini wujud

Dr. Nuriskandar menerangkan, sememangnya KKBS sentiasa memfokuskan kepada hal ehwal kemasyarakatan. Sementara itu, pihak Universiti Teknologi Brunei (UTB) melalui pelajar-pelajar Tahun 3 aliran komputer universiti berkenaan, telah membuat prototype bagi kesukarelawanan tersebut dan dari sini jugalah tertubuhnya idea ini dan seterusnya dikembangkan. Disini jugalah idea kedua-dua pihak digabungkan bagi membantu meringankan lagi aktiviti-aktiviti kesukarelawanan di negara ini memandangkan potensi-potensi yang ada pada mahasiswa dan mahasiswi UTB tersebut dapat dikembangkan dengan lebih jauh lagi.

"Dari itulah juga terbentuknya aplikasi kesukarelawanan ini hasil daripada usaha-usaha yang diperlihatkan oleh pelajar-pelajar UTB Tahun 3 yang telah berusaha membuat prototaipnya dan ia digunakan di negara ini," ujar Dr. Nuriskandar.

Sasaran aplikasi

Sasaran utama aplikasi sukarelawanan ini adalah untuk semua dan ia bukan sahaja untuk komuniti belia, Orang Berkelainan Upaya (OKU), akan tetapi untuk setiap lapisan masyarakat.

"Ia bukan sahaja kepada satu komuniti sahaja, tetapi kerjasama pelbagai pihak atau Whole on Nation Approach. Sukarelawan ini jika dilihat ia dibentuk dalam nilai-nilai luhur kebruneian *kitani*. Jika dilihat dalam bergotong-royong membantu orang lain juga satu nilai kebruneian *kitani*. Jadi dengan adanya aplikasi tersebut, kami menyasarkan ia dapat memberikan kemudahan kepada mereka di luar sana untuk mengikuti aktiviti-aktiviti kesukarelawanan secara mudah dan memberikan kemudahan kepada organisasi di luar sana untuk memberikan peluang didalam mempromosi aktiviti-aktiviti mereka kepada orang ramai melalui aplikasi yang dilancarkan dan ini adalah salah satu matlamat ia dilancar dan diperkenalkan," jelas Dr. Nuriskandar.

Kebaikan atau keuntungan

Teknologi seharusnya dioptimalkan dan dimaksimakan penggunaannya. Dengan adanya teknologi maklumat ini ia melancarkan lagi program-program kesukarelawanan berkenaan, kerana orang ramai akan menerima *notification* melalui telefon bimbit dan disana terdapat program-program yang dilancarkan. Ini

secara langsung memberikan orang ramai untuk menyertai aktiviti-aktiviti yang dijalankan.

Jadi, kita dapat melihat aktiviti-aktiviti mana yang lebih dekat dan bersangkut-paut dengan masyarakat kita. Pada masa yang sama juga, aplikasi ini turut memberikan kemudahan kepada belia kerana belia *kitani* banyak ingin mengetahui persatuan yang dapat disertai mereka. Ini dapat meningkatkan lagi penglibatan belia negara ini bukan sahaja dari segi peningkatan pembelajaran, tetapi peluang bergiat aktif, belajar untuk menjadi sukarelawan dan menjadi orang yang berguna dimata masyarakat.

Muat turun aplikasi

Aplikasi ini boleh dimuat turun melalui Google Play Store dan Apple Apps Store. Selain dapat melihat program-program yang tersedia dan persatuan-persatuan yang menjalankan aktiviti-aktiviti dan program yang mereka tawarkan untuk disertai, kita juga akan dapat melihat persatuan yang paling aktif memberikan peluang kepada sukarelawan untuk mengambil bahagian.

Tambahnya lagi, kita selalu melihat orang membantu didalam memberikan sumbangan atau derma, akan tetapi kesukarelawan ini boleh diadakan melalui pelbagai pendekatan yang mana ia memberikan cabang-cabang peluang dan idea menjadi sukarelawan pelbagai cara. Dari sini kita perlu lebih kreatif, inovatif dari segi pendekatan kita supaya orang tahu bahawa aktiviti kesukarelawanan tersebut bukan sahaja membantu orang yang susah dan memerlukan akan tetapi memberi orang peluang untuk meningkatkan kemahiran mereka untuk berjaya dalam kehidupan.

"Jadi melalui aktiviti kesukarelawanan ini juga ia tidak terbatas hanya untuk membantu melalui bersedekah dan sebagainya akan tetapi mendidik masyarakat kita di dalam aktiviti kesukarelawanan kerana kini kita juga dapat melihat dimana kesukarelawanan yang ada kini semakin aktif. Contohnya semasa COVID-19 mula di negara ini, belia *kitani* tampil ke hadapan untuk membantu kerajaan dalam menangani wabak ini di negara kita. Alhamdulillah, kini dengan hasil dan usaha yang mereka sumbangkan negara kita sekarang," jelasnya.

Beliau seterusnya berkata, pada masa ini ada beberapa persatuan yang sudah mendaftar dibawah aplikasi tersebut. Ia memperlihatkan bahawa persatuan-persatuan ini akan memberi peluang program-program yang mereka lakukan. Orang ramai boleh mengetahui objektif dan peranan persatuan tersebut. Ini memberikan akses kepada orang ramai untuk menyertai program-program berkenaan secara terperinci seperti

pengetahuan di mana program atau aktiviti tersebut akan diadakan, serta maklumat-maklumat terperinci mengenainya. Pada masa ini juga agensi-agensi kerajaan juga akan dijemput untuk menjadi organisasi dalam memberikan peluang-peluang kepada orang ramai menyertai program-program yang ditawarkan.

Dengan adanya pelancaran aplikasi ini, ia menjadi titik permulaan agar orang ramai mudah untuk menyertainya. Menurut statistik berdasarkan catatan 1 Ogos 2021, sebanyak 3,429 sukarelawan berdaftar di NBD.

Kesimpulannya, kita hendaklah berganding bahu bagi memperkenalkan aktiviti kemasyarakatan. Kita tidak boleh mengharap satu pihak sahaja untuk menggerakkan aktiviti ini. Sebagai masyarakat yang prihatin, kita haruslah peka akan program seperti ini dan sentiasa bersedia untuk melibatkan diri. Tiada ruginya menyertai aktiviti ini malahan banyak manfaatnya. Kepuasan yang kita peroleh tidak semestinya melalui wang jutaan ringgit. Malah amalan murni seperti ini dapat memberi kepuasan kerana dapat mengukir senyuman kebahagiaan kepada orang lain. Ini dapat meningkatkan imej negara sebagai sebuah negara yang punya masyarakat yang prihatin.

